

31 JAN 2002

Khalil-Kapsul

PENYIARAN KAPSUL 'WANITA AGFHAN DAN PERISTIWA MEMALI' BUKAN DITUJU
KEPADA PEMBANGKANG

SEREMBAN, 31 Jan (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata penyiaran kapsul di TV1 mengenai wanita Afghanistan dihukum mati oleh kerajaan Taliban dan pengakuan seorang lelaki yang terbabit dalam peristiwa Memali, bukan ditujukan kepada mana-mana parti pembangkang tetapi ia untuk kepentingan awam.

"Tugas kita ialah memberi mesej dan latar belakang yang mencukupi tentang mana-mana isu apabila ianya menjadi hal ehwal semasa. Kalau ianya tidak menjadi minat orang ramai, kita tidak tunjuk.

"Dan subjek ini bukan sahaja penting untuk kita memahami apa yang berlaku dalam negara tetapi ia juga ada kaitan dengan peristiwa di luar negara yang menjadi tajuk hangat dan mendapat tumpuan oleh kerajaan dan orang ramai," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sebelum itu beliau menyampaikan ucap utama pada sesi reviu visi dan misi Kementerian Penerangan. Turut hadir Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus, Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin serta ketua-ketua jabatan dan pengarah-pengarah negeri.

Khalil berkata Kementerian Penerangan memikirkan kapsul seumpamanya sesuai sekali untuk membolehkan orang ramai memahami keadaan sebenar.

"Cadangan kita ialah untuk memberi penerangan sebanyak-banyaknya supaya orang ramai memahami, umpamanya, banyak juga orang terutama generasi muda sudah lupa peristiwa dahulu.

"Generasi muda yang baru mencapai umur mengundi tidak terdedah dengan betapa seriusnya apabila berlaku peristiwa-peristiwa yang dulu...jadi kita mengingatkan. Memang dalam rangka kita menyampaikan penerangan, bahan sejarah ini merupakan satu input yang penting," katanya.

Katanya Kementerian Penerangan melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) akan terus menyiarkan kapsul mengenai pelbagai isu semasa kerana ia mempunyai kepentingan awam.

Mengulas dakwaan media asing kononnya Malaysia menjadi tapak operasi pengganas, Khalil berkata dakwaan itu semata-mata untuk menjatuhkan imej Malaysia.

"Dakwaan itu tidak betul dan tidak rasional. Mereka (media asing) mempunyai agenda tertentu, tidak boleh melihat Malaysia ini maju, tidak boleh melihat pemimpin kita ini berpengaruh dan sebagainya...mungkin ke arah itu.

"Penjelasan telah berulang kali dibuat termasuk oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri tetapi oleh kerana media asing tidak hendak siar dan terima, menyebabkan mereka terus membuat laporan yang tidak tepat," katanya.

Sesi reviu selama tiga hari bermula semalam bertujuan menilai fungsi kementerian keseluruhannya bagi membuat perancangan dan penyesuaian untuk tindakan bagi setahun ke depan.

"Dalam hubungan ini, Kementerian Penerangan juga membuat penilaian apa yang dicapai pada tahun lepas untuk perancangan masa depan," kata Khalil.

Ini, katanya, penting supaya setiap jabatan dan agensi Kementerian Penerangan dapat bertindak secara selaras dalam menyampaikan mesej kerajaan.

-- BERNAMA
RP MAI